

25/01/2003

MAM minta badan sukarela bekerjasama

KUALA LUMPUR: Majlis Aids Malaysia (MAM), meminta pertubuhan sukarela bekerjasama mewujudkan pusat persinggahan untuk penagih dadah di seluruh negara sebagai alternatif kepada mereka menjalani rawatan serta mengelakkan mereka berkeliaran di jalanan.

Presidennya, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata pusat yang berkonsepkan kediaman menyediakan pelbagai kemudahan kepada penagih untuk rawatan tanpa paksaan, termasuk rawatan perubatan, kaunseling, berehat, bersosial serta mendapat pendidikan mengenai bahaya HIV/Aids.

Beliau turut menekankan pentingnya diwujudkan ruang berasingan untuk penagih wanita di pusat itu kerana keperluan serta rawatan untuk golongan berkenaan berbeza.

"Kita perlu wujudkan satu pusat yang mempunyai suasana rumah untuk kumpulan penagih ini yang mana mereka boleh berehat dan bergaul tanpa perlu menghadapi penyisihan masyarakat.

"Ia bukan pusat pemulihan tetapi tempat yang selamat untuk mereka berehat. Pada masa yang sama kita dapat merangsang mereka ke arah pemulihan," katanya kepada pemberita pada Majlis Penyampaian Anugerah Media Riben Merah, di sini semalam.

Marina berkata, setakat ini, hanya ada satu pusat persinggahan seumpama itu, iaitu Ikhlas Drop In Centre, di Jalan Chow Kit yang diuruskan 11 sukarelawan lelaki dan seorang wanita, selain beberapa doktor sukarela.